

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 4/2025 BIL. 23

Inspirasi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنرسیتی قندیدیفن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENERAJU
KEBITARAAN
PENDIDIKAN

قروم مطهران قندیدیفن

Tahun
SITC • MPSI • IPSJ • UPSI • 1922-2022



Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali berkonsepkan inspirasi dan eksplorasi untuk santapan pembaca

Keluaran 4/2025 Bil. 23

April 2025

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Prof. Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Ramli bin Mosmin

YM Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

Ahmad Tamrin bin Ali Hanafiah

REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris


35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



Pejabat Karang Mengarang




Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

قنراجو كبيتارآن قنديدقن

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan Jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tahniah kepada seluruh warga editorial atas komitmen dan dedikasi yang telah ditunjukkan dalam penerbitan buletin ini. Usaha gigih anda semua dalam mengumpul,



**PROFESOR MADYA DR.
MOHD IZWAN SHAHRIL**

menyunting, dan menyampaikan maklumat yang bermutu tinggi amat dihargai.

Setiap keluaran buletin adalah bukti kecekapan dan kerja keras anda dalam memastikan keberkesanan komunikasi dan penyampaian informasi kepada pembaca. Saya berharap anda semua akan terus mengekalkan semangat yang tinggi, bekerja dengan penuh kreativiti dan kerjasama erat. Jangan pernah berputus asa walaupun menghadapi cabaran, kerana setiap usaha kecil yang anda lakukan memberi impak besar kepada kejayaan penerbitan ini. Mari kita terus memperkasakan peranan buletin sebagai platform penting dalam menyebarkan maklumat, inspirasi dan membina komuniti yang dinamik.

Kami bawakan terbitan baharu buletin ini sebagai medium maklumat dan komunikasi kepada seluruh warga nama organisasi/universiti. Buletin ini diterbitkan sebagai usaha untuk menyampaikan berita terkini, pencapaian, serta aktiviti-aktiviti menarik yang berlangsung dalam organisasi kita. Sebagai ketua pengarang, saya amat berbangga

dapat bekerjasama dengan pasukan editorial yang berdedikasi dan berkaliber dalam mewujudkan penerbitan yang berkualiti dan relevan. Kami berharap setiap artikel dan laporan yang dikongsikan dapat memberi manfaat, inspirasi serta meningkatkan kesedaran serta semangat dalam kalangan pembaca. Kami mengalu-alukan maklum balas dan idea-idea baharu agar buletin ini dapat terus diperbaiki dan menjadi saluran komunikasi yang berkesan.

Terima kasih atas sokongan berterusan daripada semua pihak. Selamat membaca dan semoga buletin ini menjadi sumber informasi yang bermakna dan memotivasi.



NAIB CANSOLOR



PROFESOR DATO' DR.
MD AMIN MD TAFF

Penekanan pada Adab dan Akhlak sebagai asas utama pembentukan keperibadian mahasiswa dan warga universiti

Assalamualaikum WBT dan Salam Seabad Ibu Kandung Suluh Budiman

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana meneruskan kecemerlangan institusi kita dalam pelbagai bidang. Dalam usaha membina insan cemerlang berteraskan ilmu dan budi, saya ingin menekankan bahawa nilai adab dan akhlak harus menjadi asas yang kukuh dalam kehidupan seharian mahasiswa dan seluruh warga universiti. Nilai moral yang murni adalah tunjang utama pembentukan keperibadian yang unggul dan menjadi identiti UPSI.

Dalam aspek akademik pula, UPSI sentiasa komited untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Pengurusan pengambilan pelajar yang dijalankan dua kali setahun serta penawaran kursus yang

dirancang dengan teliti berdasarkan kelulusan Senat dan keperluan semasa menunjukkan usaha berterusan universiti dalam memastikan piawaian akademik dipatuhi dengan penuh dedikasi. Ini sekaligus memberikan peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu dalam bidang yang relevan dan berdaya saing.

Saya juga ingin menzahirkan dorongan yang tidak berbelah bagi kepada semua pelajar agar mengekalkan disiplin akademik, membudayakan sikap inovasi dan memupuk minda global yang terbuka. Semangat kecemerlangan dan kebanggaan terhadap UPSI perlu dijadikan panduan utama dalam menempuh cabaran dunia pendidikan dan pembangunan insan pada masa depan.

Selain itu, saya amat berbangga dengan inisiatif universiti dalam memperkukuh nilai

Islamik dan kebajikan melalui program seperti pelancaran Tabung Ihya' Ramadan. Keprihatinan ini membuktikan komitmen UPSI dalam membina warga universiti yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga tinggi nilai sosial dan keagamaan.

Semoga setiap usaha dan program yang dijalankan akan terus menyemai semangat kerjasama, keprihatinan dan kecemerlangan dalam kalangan warga UPSI. Bersama-sama kita jayakan UPSI sebagai sebuah institusi pendidikan yang unggul dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

#DemiUPSI

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Majalah Inspirasi edisi kali ini menampilkan kisah perjalanan hidup seorang figura yang cukup dikenali di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Puan Suhaila binti Sidek, Ketua Timbalan Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Akademik. Siapa yang tidak mengenali sosok hebat ini, yang bukan sahaja berwibawa dalam kepimpinan pentadbiran, tetapi juga dikenali sebagai individu yang komited, tegas dan penuh integriti dalam menjalankan amanah.

Inspirasi Alumni

Amar Reza bin Zainalabidin merupakan figura seni dan pendidik yang berjaya menggabungkan dunia akademik dan kreativiti digital melalui watak ikonik "Cik Yah Tudung Kuning". Beliau memanfaatkan bakat dan pengalaman dalam industri seni serta cabaran hidup sewaktu pandemik untuk mencipta kandungan yang bukan sahaja menghibur, tetapi juga membina kesedaran masyarakat.

Eksplorasi Muallim

Berhadapan dengan UPSI di Tanjong Malim, Kampung Mogah merupakan penempatan kecil warisan komuniti Islam dari Moga, Punjab yang berhijrah ke Malaya pada 1921. Kampung ini meliputi keluasan 2.4 ekar dengan 15 buah rumah. Kampung Mogah kekal sebagai lambang warisan, perpaduan, dan sejarah hidup di bumi Muallim.

10



16



20



Warisan Muallim

Dibina pada tahun 1926 bagi menggantikan masjid lama Kampung Kubu, Masjid Jamek Tanjong Malim merupakan antara masjid tertua di daerah Muallim. Terletak di tengah bandar dan berhampiran UPSI, masjid ini menjadi pusat ibadah, pendidikan, dan komuniti sejak zaman Sultan Idris Training College (SITC). Dengan seni bina bersejarah, sumbangan masyarakat, dan kedudukan strategik, masjid ini terus menjadi nadi keagamaan serta simbol warisan budaya Islam di Tanjong Malim.

26



Inspirasi BITARA

Prof. Dr. Ramlee Ismail memainkan peranan penting dalam pembangunan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi serta pengukuhan program Ekonomi Pendidikan dan pendidikan teknikal di universiti. Beliau memainkan peranan penting dalam memulihkan UPSI Holdings Sdn. Bhd. daripada ambang penutupan kepada syarikat berjaya, menjana keuntungan lebih RM5 juta dalam tempoh dua tahun hasil strategi pemulihan berani, tadbir urus cekap dan sinergi bersama kepakaran universiti.

30



34

Wira kita

Mohd Aliff Najmi Shaaimi, anak jati Kelantan yang aktif dalam dunia bola sepak sejak kecil. Anak kepada pasangan bekas guru, Aliff satu-satunya adik-beradik yang menonjol dalam bidang sukan. Bermula sebagai penjaga gol pada usia muda, beliau kini menemui keserasian sebagai pemain bek tengah dan terus meniti perjalanan hidup berkeluarga sambil mengukuhkan minatnya dalam sukan bola sepak.





Suhaila Sidek: Jejak Kepimpinan Penuh Integriti dan Dedikasi



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

"Kisah hidup saya bermula di sebuah pekan kecil yang penuh nostalgia, Tanjong Malim, tempat saya dilahirkan dan dibesarkan. Sebagai anak jati Tanjong Malim, saya menempuh alam persekolahan rendah di sini, dikelilingi suasana desa yang sederhana tetapi kaya dengan nilai kekeluargaan dan semangat kejiranan. Saya merupakan anak keempat daripada lapan orang adik-beradik, dibesarkan dalam sebuah keluarga yang mementingkan pendidikan, kasih sayang dan disiplin. Asuhan yang saya terima sejak kecil telah membentuk jatidiri dan memberi arah tuju kepada perjalanan hidup saya hingga ke hari ini.

Bapa saya ialah seorang pendidik tegas yang pernah memegang jawatan sebagai guru disiplin. Walaupun terkenal dengan sifat garangnya, beliau sangat dihormati dan disayangi oleh para pelajar, apatah lagi oleh kami, anak-anaknya. Didikan beliau banyak membentuk jatidiri dan nilai murni dalam hidup saya. Ibu saya pula seorang suri rumah yang bukan sahaja cekal menguruskan keluarga, tetapi juga seorang yang sangat aktif dan kreatif dalam menjana pendapatan. Beliau gemar berniaga dan menggunakan masa lapangnya untuk menjalankan pelbagai aktiviti jualan. Minatnya

yang mendalam terhadap perniagaan membawanya melancong ke pelbagai tempat, menjadikan beliau sumber inspirasi kepada kami sekeluarga.

TUNAS HIDUP DALAM KESEDERHANAAN

Syukur Alhamdulillah, zaman kanak-kanak saya dipenuhi dengan kenangan yang baik dan membahagiakan. Walaupun hidup dalam suasana yang serba sederhana, namun kami sekeluarga tidak pernah merasa kekurangan. Bapa dan ibu sentiasa memastikan keperluan kami mencukupi, khususnya dalam hal pendidikan yang mereka anggap sebagai keutamaan.

Sebagai anak daripada keluarga besar dengan lapan orang adik-beradik, pastinya ada cabaran dalam pengurusan kewangan dan perhatian. Namun, ibu dan bapa saya sentiasa bersatu hati dan sanggup berkorban masa, tenaga serta wang ringgit demi memastikan kami mendapat pendidikan yang terbaik. Bapa saya, seorang guru agama yang juga guru disiplin di sekolah, membawa ketegasan dan nilai murni itu ke dalam rumah. Ketegasan beliau tidak pula menakutkan, malah menyuntik semangat kepada kami untuk sentiasa berusaha gigih dan bersaing secara sihat, baik dalam bidang akademik mahupun kokurikulum.

Ibu saya pula memainkan peranan penting sebagai pengurus rumah tangga yang penuh kasih sayang.

Dalam kesibukannya mengurus keluarga, beliau tetap berusaha membantu dari sudut ekonomi melalui pelbagai aktiviti sampingan. Gabungan ketegasan bapa dan kelembutan serta kebijaksanaan ibu menjadikan kami membesar dalam suasana yang seimbang, penuh disiplin, kasih sayang dan motivasi untuk berjaya.

Biarpun hidup tidak mewah, namun setiap hari kami diwarnai dengan semangat, harapan, dan dorongan yang tidak pernah putus daripada kedua-dua insan yang sangat kami kasihi.

JEJAK PERJALANAN AKADEMIK

Perjalanan akademik saya bermula di Tadika Methodist, Tanjong Malim, sebelum meneruskan pendidikan rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan (Methodist) Tanjong Malim sehingga Darjah Enam.

Saya kemudiannya berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sultan Azlan Shah, yang ketika itu terletak di Gunung Rapat, Ipoh, sebelum berpindah ke Seri Iskandar, Bota.

Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya menyambung pengajian ke Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Khir Johari, Tanjong Malim. Alhamdulillah, selepas itu saya ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda

dalam bidang Ekonomi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Di peringkat kerjaya, saya terus melibatkan diri dalam peningkatan kompetensi profesional. Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), saya telah mengikuti program pensijilan Certificate in Integrated Leadership Excellence Acceleration Programme (ILEAP) yang dikendalikan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama UPSI.

Perjalanan pendidikan ini bukan sekadar membentuk pengetahuan dan kemahiran, malah menjadi landasan penting dalam membina keperibadian dan prinsip kerja saya hari ini.

PERJALANAN KERJAYA

Perjalanan kerjaya saya bermula tidak lama selepas saya menamatkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ketika itu, saya masih dalam fasa menyesuaikan diri selepas konvokesyen apabila seorang sahabat baik saya menyampaikan khabar bahawa sebuah universiti yang baru sahaja dinaik taraf daripada Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), sedang membuka iklan jawatan kosong di akhbar. Sahabat saya menyarankan agar saya memohon jawatan Pegawai Tadbir Gred N3, satu nama jawatan yang ketika itu agak asing bagi saya. Namun setelah saya teliti, saya dapati ia bersesuaian dengan kelayakan akademik yang saya miliki.

Tanpa berlengah saya terus menghantar permohonan. Tidak lama kemudian, saya dipanggil ke sesi temu duga tidak lama kemudian. Masih segar dalam ingatan saya, sesi itu dihadiri oleh tiga panel penting, Encik Sayuti bin Sahlan selaku Pendaftar UPSI merangkap Pengerusi panel, Encik Yusuf bin Semahil, Bendahari UPSI, dan Encik Rusley bin Taib, Timbalan Pendaftar Gred N2 (yang kini bergelar Dato') sebagai urus setia.

Alhamdulillah, tarikh 1 Disember 1997 menjadi detik bersejarah dalam hidup; hari pertama saya melapor diri sebagai penjawat awam, hanya sebulan selepas konvokesyen saya di UIAM. Momen ini menjadi lebih manis dan penuh makna apabila Dato' Rusley sendiri menghubungi saya melalui telefon untuk memaklumkan bahawa saya berjaya dalam permohonan dan diminta hadir melapor diri hanya pada dua hari berikutnya.

Surat tawaran diserahkan dengan penuh tradisi dan nilai murni, dihantar secara serahan tangan oleh Encik Daud, atau lebih dikenali sebagai Abang Daud, yang sanggup mengayuh basikal dari UPSI ke rumah saya pada hari Sabtu. Saya masih ingat dengan jelas bagaimana saya perlu melapor diri di Pejabat Pentadbiran yang ketika itu masih terletak di Bangunan IPSI, di situlah juga terletaknya pejabat Pendaftar dan Timbalan Pendaftar.

Sewaktu melapor diri, saya diberi pilihan untuk memilih Pusat Tanggungjawab, namun akhirnya saya ditempatkan di Unit Perjawatan. Di situlah langkah pertama saya bermula

dalam dunia pengurusan pentadbiran universiti, sebuah perjalanan yang penuh pengalaman, pelajaran dan dedikasi yang saya teruskan hingga ke hari ini.

TEMUI MINAT DALAM PENTADBIRAN

Pada mulanya saya mengandaikan bidang ekonomi hanya sesuai bekerja di sektor perbankan atau yang seumpamanya, namun apabila direzekikan dengan jawatan Pegawai Tadbir yang terlibat dengan urusan pengurusan dan pentadbiran, saya terus jatuh cinta dengan kerjaya ini. Banyak perkara boleh diteroka dan diselami apabila kita terlibat dengan pengurusan dan pentadbiran; hari-hari yang dilalui merupakan hari-hari baharu dengan perkara-perkara dan pengalaman yang baharu.

Saya berasa sangat beruntung dan bersyukur apabila ditakdirkan bekerja di sebuah Universiti yang baru sahaja ditubuhkan pada ketika itu. Dalam keadaan serba kekurangan malah kebanyakan fasiliti masih berkongsi dengan IPSI bukan alasan bagi kami untuk mengeluh malah kami sama-sama berganding bahu membina pasak bagi memastikan Universiti terus mara ke hadapan. Staf pada ketika itu hanya 39 orang pensyarah, 5 orang guru dan beberapa orang kakitangan pentadbiran. Abang Daud contohnya perlu berkhidmat di dua institusi, pagi di UPSI, petang di IPSI, unik bukan? Terdapat kafe yang kami gelar 'Kantin Opah' yang selalu dikerumuni bukan sahaja pelajar UPSI malah pelajar IPSI juga. Statut Universiti juga perlu

dirangka malah banyak lagi amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul dan dirapikan bagi memastikan UPSI terus gah dan dihormati. Senario ini menyebabkan saya terus bersemangat mengurus dan mentadbir malah berbakti untuk Universiti yang dikasihi.

ADAPTASI DAN DAYA TAHAN TANGANI CABARAN KERJA

Cabaran utama dalam bidang pengurusan bagi saya adalah mengurus sumber manusia. Setiap individu mempunyai watak, cara berkomunikasi dan corak pemikiran yang berbeza. Menyatukan kepelbagaian ini secara harmoni demi memastikan setiap amanah yang dipikul dapat dilaksanakan dengan berkesan adalah satu cabaran yang besar, namun amat penting demi mencapai matlamat organisasi.

Sepanjang perkhidmatan saya di UPSI, saya berpeluang berkhidmat di bawah kepimpinan tujuh orang Naib Canselor yang masing-masing mempunyai keunikan dan kekuatan tersendiri. Di Bahagian Sumber Manusia, saya memegang tanggungjawab sebagai Ketua Unit Perjawatan selama sembilan tahun dan mengetuai Unit Latihan selama setahun. Kenaikan pangkat ke gred N48 telah membuka lembaran baharu untuk saya menabur bakti di Institut Pengajian Siswazah (IPS) setelah satu dekad bersama BSM.

Di IPS, saya menguruskan sebuah organisasi yang besar selama 10 tahun, di bawah pimpinan tokoh-tokoh berwibawa termasuk Profesor Dr. Omar bin Abdull Kareem (kini Profesor Emeritus), Allahyarham Profesor Dr. Mohd

Suhaily bin Yusri, Profesor Dr. Ramlee bin Mustapha dan Profesor Dr. Mahzan bin Arshad.

Amanah saya bertambah apabila diberikan tanggungjawab sebagai Ketua PTj di Bahagian Hal Ehwal Akademik bermula di gred N52. Dalam peranan ini, di sini, saya perlu memastikan segala urusan promosi dan kemasukan pelajar prasiswazah, pengurusan senat, penjadualan, peperiksaan dan konvokesyen, serta hal-hal pentadbiran dan kewangan, sentiasa berada di landasan yang betul, sejajar dengan misi dan visi Universiti.

Sepanjang 28 tahun berkhidmat di UPSI; sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan, pelbagai cabaran telah saya tempuhi. Sama ada sebagai pemimpin atau sebagai





yang dipimpin, saya sentiasa mengingatkan diri bahawa setiap pekerjaan adalah satu bentuk ibadah.

Saya percaya bahawa setiap ujian pasti ada jalan penyelesaiannya. Maka, saya tidak pernah berputus harap dalam memohon pertolongan Allah SWT agar dipermudahkan segala urusan. Saya juga sentiasa menanam harapan tinggi agar setiap detik yang dicurahkan dalam perkhidmatan ini menjadi amal jariah dan saham akhirat, khususnya kerana kita mengurus bakal-bakal pendidik yang bakal mencorakkan masa depan negara.

Nilai dan pegangan inilah yang saya kongsi kepada seluruh pasukan saya, dengan penuh kesabaran, tanpa jemu mahupun bosan agar semangat dan keikhlasan dalam berkhidmat sentiasa menjadi tunjang utama dalam menghadapi apa jua cabaran.

KEIKHLASAN NILAI PALING PENTING DALAM MENJALANKAN TUGAS

Saya memang berpegang kepada satu prinsip mudah, 'Give more, expect less'. Bagi

saya, apa pun yang kita buat, buatlah sebaik mungkin, sentiasa bersangka baik dan ikhlaskan niat kerana Allah. Itu yang buat saya tenang dan terus semangat dalam melaksanakan apa jua kerja. amanah yang ditetapkan.

Pejabat merupakan rumah kedua kita. Justeru, amat penting untuk kita membentuk sikap dan minda yang positif agar tidak mudah tertekan, walaupun berdepan beban tugas yang berat atau berhadapan dengan kurangnya kerjasama daripada pasukan. Bagi saya, petuanya mudah, lakukan setiap tanggungjawab dengan penuh keikhlasan dan sentiasa berfikiran positif terhadap apa jua perkara yang dihadapi. Keikhlasan menjadikan kita lebih tenang dalam bekerja, manakala pemikiran positif memberi kita kekuatan untuk terus melangkah tanpa rasa kecewa atau putus asa.

Andai tiba saat kita merasa tidak dihargai, doakan sahaja kebaikan untuk semua. Teruslah memberi yang terbaik kerana setiap usaha yang ikhlas tidak akan sia-sia. Percayalah, Allah SWT sentiasa bersama orang yang sabar

dan bekerja dengan niat yang benar. Dengan pegangan ini, Insha-Allah semangat kita akan sentiasa terpelihara, walaupun dalam suasana kerja yang mencabar.

MENITI PENGALAMAN DI INSTITUSI BERPRESTIJ

Salah satu episod pengalaman yang paling istimewa ialah apabila berpeluang bertegur sapa dengan mantan Perdana Menteri Malaysia keempat dan ketujuh, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Peristiwa ini berlaku semasa Istiadat Konvokesyen Keenam Khas pada tahun 2004, di mana apabila beliau telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kepimpinan dan Pembangunan Pendidikan. Saya masih ingat dengan jelas bagaimana beliau menegur secara bersahaja tentang pakaian seragam kami sambil mengukir senyuman mesra sebaik tiba di Bangunan Suluh Budiman. Detik itu cukup memberi makna dan menjadi kenangan yang sukar dilupakan.

Selain itu, saya juga berasa amat bertuah kerana pernah berpeluang bekerja secara langsung dengan tokoh-tokoh ilmuwan terkemuka negara. Antaranya ialah Profesor

Emeritus Datuk Dr. Asmah binti Haji Omar dalam penganjuran Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu 1 yang berlangsung pada 12 hingga 14 Ogos 2003, anjuran Institut Peradaban Melayu. Tidak kurang menarik, saya juga berkesempatan mengikuti kelas Bahasa Melayu khas untuk pentadbir yang dikendalikan oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Awang Sariyan sekitar tahun 2001.

Kesemua pengalaman ini bukan sahaja memperkayakan perjalanan kerjaya saya, malah turut menyuntik inspirasi dan semangat untuk terus menabur bakti dalam dunia pendidikan dan pentadbiran.

DOA IBU, JALAN KEJAYAAN

Ibu saya adalah insan paling berpengaruh yang menjadi tulang belakang dan pembakar semangat saya, terutama ketika saya berdepan detik kekecewaan kerana tidak berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading selepas SPM.

Dalam saat saya hampir hilang arah dan semangat, ibu tidak pernah jemu memujuk, memberi nasihat, dan menyuntik kata-kata positif. Antara pesan ibu yang kekal tersemat dalam hati ialah: "Satu pintu tertutup, banyak lagi pintu lain yang terbuka."

Berpegang kepada kata-kata itu, saya bangkit dan meneruskan perjuangan tanpa menoleh ke belakang. Alhamdulillah, berkat dorongan dan doa ibu, saya berjaya memperoleh 5 prinsipal penuh dalam STPM, menjadi pelajar terbaik dalam subjek Bahasa Melayu dan cemerlang dalam subjek Ekonomi. Kejayaan itu

membuka ruang untuk saya menyambung pengajian dalam bidang Ekonomi di institusi idaman, dan saya tersenarai sebagai enam pelajar terbaik dalam bidang tersebut dengan pencapaian kelas kedua tertinggi semasa bergraduasi.

Segala kejayaan ini adalah bukti kasih sayang dan kekuatan doa seorang ibu. Dalam perjalanan kerjaya saya pula, ibu terus menjadi penyokong setia, tidak pernah lupa berpesan agar bekerja kerana Allah, lakukan tugas sehabis baik, dan jangan pernah berkira dalam berbakti.

"Nikmat Tuhan manakah yang engkau dustakan?" (Surah Ar-Rahman: 13). Sesungguhnya, ibu adalah anugerah terbesar dalam hidup saya.

MELAKAR HARAPAN, MENYULAM BAKTI

Saya berharap dan berdoa agar sentiasa direzekikan ilham yang berhikmah, kesihatan yang

baik dan pasukan yang mantap untuk terus menyumbang dan memberikan yang terbaik dalam kerjaya saya kepada Universiti, demi agama, bangsa dan tanah air semata-mata kerana Allah SWT.

Dalam masa yang sama, saya juga mengimpikan agar UPSI terus unggul dan dihormati sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan. Semoga UPSI kekal melahirkan barisan guru berjiwa murabbi, yang bukan sahaja cemerlang dalam ilmu, tetapi juga menjadi pembimbing ummah yang berakhlak mulia dan berwawasan.

Insya-Allah, selagi dikurniakan peluang dan kudrat, saya akan terus berkhidmat dengan penuh amanah dan keikhlasan untuk Universiti yang bertuah ini."





Amar Reza: Daripada Cita ke Cerita, Cipta Makna dalam Dunia Kandungan dan Kehidupan



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Tetamu kali ini merupakan seorang figura seni yang semakin dikenali melalui watak ikonik “Cik Yah Tudung Kuning”, satu perwatakan yang mencuit hati namun sarat dengan sindiran sosial yang tajam. Dikenali dengan gaya bersahaja tetapi menyengat, beliau bijak menggunakan karakter Cik Yah sebagai medium untuk menyuarakan isu-isu masyarakat dengan pendekatan humor dan santai. Melalui platform digital, watak Cik Yah bukan sekadar hiburan, tetapi juga cerminan realiti kehidupan harian yang dekat dengan masyarakat, menjadikan beliau sebagai suara alternatif yang mencuri perhatian pelbagai lapisan penonton.

Amar Reza bin Zainalabidin dilahirkan pada 5 Februari 1994 dan dibesarkan di tengah hiruk-pikuk ibu kota Kuala Lumpur. Beliau merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik, hasil perkongsian hidup pasangan Hanizah binti Abdul Hamid, seorang pegawai bank dan Zainalabidin bin Mustafa, yang bertugas sebagai pengurus bangunan.

Saya merupakan graduan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknologi Kreatif (Teater) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Seusai pengajian, saya memulakan kerjaya sebagai pengarah

pelatih di bawah bimbingan pengarah prolifik tanah air, Erma Fatima. Sepanjang bersama beliau, saya berpeluang menjadi penolong pengarah untuk beberapa drama TV, selain terlibat sebagai tenaga pengajar lakon dan penolong pengarah dalam pementasan teater Pawana Isabela di Istana Budaya. Pengalaman ini membuka laluan kepada penglibatan saya dalam industri seni secara lebih meluas, termasuk sebagai jurulatih lakonan jemputan di bawah syarikat Janna Nick, tenaga pengajar lakon bagi program realiti Dewi Remaja, serta penulis skrip dan pengarah bersama bagi Teater Muzikal Pak Pandir dan Labu Ajaib terbitan Janna Nick Studio, juga di Istana Budaya.

Namun begitu, atas dasar minat dan kecintaan terhadap dunia pendidikan, saya memilih untuk menyambung pengajian secara sepenuh masa dalam bidang Pengajian Persembahan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Rezeki menyebelahi saya apabila ditawarkan jawatan sebagai Pensyarah Seni Kreatif dan Seni Persembahan di Limkokwing University of Creative Technology, Cyberjaya. Tawaran ini hadir ketika saya sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana, satu fasa kehidupan yang menuntut disiplin dan kecekalan luar biasa.

Menggalas tanggungjawab sebagai pelajar sepenuh masa sambil memikul peranan

sebagai pensyarah bukanlah tugas mudah. Ia menuntut pengurusan masa yang bijak, ketahanan mental, dan kesungguhan yang berterusan. Namun begitu, saya melihat pengalaman ini sebagai satu latihan awal yang sangat berharga, seakan-akan simulasi dunia sebenar sebelum saya benar-benar melangkah ke alam kerjaya sebagai pendidik di institusi pengajian tinggi awam.

PERMULAAN SEBAGAI CONTENT CREATOR

Pengalaman awal saya sebagai pensyarah di sebuah universiti swasta membuka ruang untuk saya berkembang, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dari sudut peribadi. Setiap hari saya bangkit dengan semangat untuk menyumbang ilmu dan menjadi individu yang lebih produktif dalam kehidupan seharian.

Namun, langit tidak selalunya cerah. Ujian besar hadir apabila dunia dilanda wabak Covid-19. Pandemi ini melumpuhkan hampir keseluruhan sektor; ekonomi, kesihatan, pendidikan bukan sahaja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia. Institusi pengajian tempat saya berkhidmat ketika itu turut tidak terkecuali. Krisis kewangan yang melanda menyebabkan gaji saya dipotong hampir 70%. Dalam keadaan komitmen kewangan yang sedia ada, saya mula sedar bahawa saya perlu mencari jalan dan sumber rezeki lain untuk terus bertahan.

Dalam kekalutan itu, satu perubahan besar berlaku, dunia mula beralih ke alam digital. Segalanya berlaku dalam talian. Komunikasi menjadi maya melalui platform seperti Google Meet, WhatsApp dan media sosial. Melihat fenomena ini, saya mula bereksperimen menghasilkan kandungan kreatif di media sosial yang pada

mula menarik perhatian pelbagai pihak, termasuk jenama-jenama besar yang kemudiannya tampil untuk berkolaborasi.

Kolaborasi ini bukan sekadar pengiktirafan terhadap usaha saya, tetapi juga menjadi sumber pendapatan utama yang membantu saya bertahan

walaupun perwatakannya dalam sketsa jauh berbeza daripada realiti ibu saya yang sebenar. Namun, saya melihat keunikan dan kuasa seorang wanita atau ibu terletak pada tutur kata, ketegasan dalam memberi arahan serta kecekapan mengurus rumah tangga, perkara yang saya perhati sejak kecil. Membesar dalam suasana penuh disiplin dan ketegasan, khususnya dalam aspek pendidikan menjadikan saya menghormati suara seorang ibu sebagai simbol autoriti yang lembut tetapi berkesan.

Ketika watak Cik Yah yang gemar membebel diperkenalkan di media sosial, netizen menerimanya dengan baik kerana ia mencerminkan sifat semula jadi seorang ibu dan membangkitkan nostalgia hubungan mereka dengan ibu masing-masing. Ini membuktikan bahawa watak wanita dewasa atau ibu memiliki kuasa dan hak untuk menyuarakan pendapat, apatah lagi dalam konteks ibu dan anak.

Malah, semasa pandemik Covid-19, saya pernah dihubungi oleh pegawai khas kepada Perdana Menteri Malaysia kelapan untuk projek kolaborasi kempen kesedaran, dengan ungkapan berseloroh, "PM pun cakap, Cik Yah je yang layak membebel sebab Cik Yah mak-mak." Ketika itu, saya menggunakan watak Cik Yah untuk menyampaikan mesej kepatuhan SOP melalui PSA digital membuktikan bagaimana suara 'seorang ibu' boleh diterima sebagai autoriti dalam masyarakat.



awalnya sekadar untuk mengisi masa dan menghilangkan kebosanan sewaktu PKP. Daripada detik spontan itu, lahirlah watak digital 'Cik Yah', seorang wanita berusia yang dikenali dengan tudung kuningnya dan gaya bersahaja. Tidak saya sangka, karakter ini mendapat sambutan hangat dan mencuit hati ramai pengguna media sosial. Keunikan "Cik Yah" bukan sahaja menghiburkan, malah

sepanjang tempoh pandemik. Dari satu detik mencabar, lahir satu peluang yang mengubah perjalanan hidup saya dan sejak itu, saya percaya bahawa setiap cabaran pasti terselit ruang untuk kita berkembang jika kita berani mencuba.

PEMILIHAN WATAK CIK YAH

Pemilihan watak wanita dewasa bernama Cik Yah diinspirasi daripada figura ibu saya sendiri

KONTEN BUKAN MUDAH

Sebuah kandungan mengambil masa kira-kira satu minggu atau satu bulan untuk disiapkan, mengikut kepada pengisiannya. Kandungan pendek dapat disiapkan lebih cepat berbanding video berdurasi tiga minit ke atas kerana prosesnya merangkumi percambahan idea, penulisan skrip, reka bentuk visual atau storyboard, rakaman pergerakan (Mocap), rakaman suara, penambahan kesan bunyi serta penyuntingan sebelum menjadi produk akhir.

Walaupun hanya menggunakan telefon bimbit iPhone, aspek teknikal seperti ruang kedap bunyi dan pencahayaan yang mencukupi perlu dititikberatkan agar hasil rakaman berkualiti. Antara cabaran utama dalam penghasilan kandungan termasuk faktor emosi, tenaga dan kesihatan. Keadaan diri yang tidak stabil seperti keletihan, tekanan emosi atau kesihatan yang terganggu boleh menjejaskan proses kreatif. Justeru, saya amat menjaga pengambilan makanan dan minuman, mengelakkan minuman terlalu sejuk atau panas yang boleh menyebabkan sakit tekak, serta mengamalkan makan coklat bagi meningkatkan mood sebelum melakukan rakaman.

DUA DUNIA, SATU MATLAMAT

Kebiasaannya, saya membahagikan masa dengan mengkhususkan waktu siang untuk menyelesaikan tugas dan melaksanakan sesi kuliah sebagai pensyarah. Manakala waktu malam pula saya peruntukkan untuk berkarya dan menghasilkan kandungan kreatif. Namun begitu,

keutamaan tetap diberikan kepada tanggungjawab hakiki saya sebagai pendidik. Sekiranya terdapat tugas penting yang perlu disiapkan, saya akan menangguhkan sesi rakaman kandungan ke hari atau tarikh lain bagi memastikan komitmen terhadap tugas utama tidak terjejas.

INSPIRASI UNTUK BERKARYA

Kebiasaannya, inspirasi untuk saya berkarya datang daripada pelbagai sumber, antaranya kandungan di media sosial, pembacaan di akhbar sama ada bercetak atau digital serta situasi dan cerita di persekitaran. Saya gemar memerhati gelagat manusia dan keadaan sekeliling dan daripada pemerhatian itulah lahirnya idea untuk menghasilkan kandungan satira digital menerusi watak Cik Yah, yang mencerminkan realiti masyarakat dengan cara yang santai namun berkesan.

IMPIAN MENJADI KENYATAAN

Pengalaman manis yang paling bermakna dalam hidup saya ialah apabila impian saya untuk bergelar ahli akademik tercapai, khususnya sebagai pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), sebuah cita-cita yang saya pendam sejak zaman pengajian dan sentiasa saya titipkan dalam setiap doa.

Selain itu, hasil daripada usaha saya menghasilkan kandungan digital melalui watak Cik Yah turut membawa rezeki yang dapat saya manfaatkan untuk membantu keluarga, termasuk menampung bil utiliti dan belanja harian. Lebih istimewa, saya dapat membalas jasa dengan belanja makan keluarga, rakan-rakan, pelajar

dan kenalan, sesuatu yang sangat saya hargai kerana pernah melalui waktu sukar kewangan satu ketika dahulu. Saat ada insan baik membantu saya, saya bertekad untuk menjadi insan yang memberi dan momen itu kini menjadi antara kenangan paling manis dalam hidup saya.

Tidak hanya merasai kemanisan dalam hidup, saya juga pernah melalui fasa kepahitan. Semestinya bila saya gagal melaksanakan apa-apa tugas dengan baik menjadi satu titik pahit dalam hidup saya. Selain itu, meletakkan ibu bapa saya dalam kekecewaan juga menjadi perkara pahit dalam hidup saya.

TANGGUNGJAWAB PEMBAKAR SEMANGAT

Faktor utama yang menjadi pembakar semangat saya untuk berjaya hingga ke tahap ini ialah tanggungjawab sebagai tunggak dan tempat bergantung keluarga. Dengan usia ibu bapa yang semakin meningkat dan keadaan kesihatan mereka yang tidak mengizinkan untuk terus bekerja, timbul rasa tanggungjawab yang kuat dalam diri saya untuk menyara dan menjaga mereka. Hasrat untuk memastikan keluarga saya hidup selesa dan terjaga menjadi dorongan terbesar yang menguatkan semangat saya untuk terus berusaha dan tidak mudah berputus asa.

CIK YAH ON SCREEN, SAYA KE PHD!

Kini, saya sedang mengusahakan projek animasi tiga dimensi "Cik Yah Si Tudung Kuning" bersama

pihak TV3 dengan sokongan daripada MDEC. Dalam masa yang sama, saya turut teruja dan bersemangat untuk menyambung pengajian ke peringkat PhD dalam bidang persembahan digital dan multimedia kreatif, sebagai satu langkah untuk terus berkembang dalam dunia akademik dan industri kreatif.

MARTABATKAN PROFESION CONTENT CREATOR

Saya berharap agar content creator ini menjadi bidang profesional dalam sektor komunikasi. Mereka ini adalah barisan hadapan, pengengaruh, penyalur maklumat, muka hadapan menerusi medium media sosial. Jadi, semoga Content creator ini dilihat sebagai sebuah kerjaya dengan imbuhan atau gaji yang setimpal, bukan sekadar picisan dan dipandang ringan. Sebab? Bukan mudah untuk menjadi content creator meskipun ramai yang menggelar diri sebagai content creator namun hakikatnya, tidak semua orang mampu menjadi content creator. Saya juga berharap agar content creator sedia ada, sebagai muka hadapan atau penyalur maklumat di media sosial, beri dan sebarkan contoh yang baik dan bermanfaat. Apa yang dipaparkan di media sosial, tanpa sedar ia mempengaruhi akal dan emosi mereka yang menonton.

DOA YANG BELUM USAI

Saya menyimpan hasrat untuk kembali menjejakkan kaki ke Tanah Suci Mekah. Pada tahun 2022, saya berpeluang menunaikan umrah bersama ibu, satu kenangan yang begitu manis dan terindah dalam

hidup saya. Andai diberikan rezeki dan kesempatan, saya amat berhajat untuk menunaikan umrah sekali lagi, kali ini bersama ibu, ayah dan seluruh ahli keluarga.

JULANG SENI TEMPATAN

Saya amat mengagumi figura hebat bernama Puan Sri Tiara Jacquelina. Beliau bukan sahaja seorang pelakon dan penggiat seni, malah seorang penerbit yang telah banyak berjasa dalam memartabatkan seni tempatan. Kejayaan beliau mengangkat produk seni teater Malaysia ke tahap yang membanggakan sangat menginspirasi saya.

Semangat beliau dalam memperjuangkan mutu seni dan teater tanah air telah menyuntik inspirasi dalam diri saya. Saya juga menyimpan impian dan cita-cita untuk terus mengangkat bidang teater Malaysia agar suatu hari nanti ia diiktiraf sebagai sebuah industri yang progresif dan berdaya saing.

DARI HATI UNTUK SEMUA PEMBACA

Nasihat ini adalah nasihat yang sama saya titipkan buat diri saya, niatkan segalanya kerana Allah SWT. Nasihat ini adalah juga peringatan buat diri saya sendiri, niatkan segala usaha kerana Allah. Setiap kejayaan dan rezeki yang kita peroleh hakikatnya datang daripada-Nya. Sentiasa doakan yang terbaik untuk ibu dan ayah, kerana saya amat percaya bahawa siapa saya hari ini adalah hasil daripada doa mereka. Segala yang saya lakukan, saya niatkan untuk menggembirakan dan membanggakan mereka.

Jangan sombong, kerana segala yang kita miliki di dunia ini bersifat sementara dan hanyalah pinjaman. Tidak perlu rasa iri atau dengki terhadap orang lain; cemburu itu normal, tetapi biarlah cemburu yang membina, yang mendorong kita untuk berusaha menjadi lebih baik, bukan menjatuhkan rezeki orang lain. Rezeki kita sudah ditetapkan, mungkin hari ini giliran orang lain, dan esok tiba giliran kita. Sentiasalah bersangka baik dengan Allah, kerana Dia Maha Mengetahui apa yang terbaik buat kita.

Segala yang diusahakan, segala kejayaan yang diperoleh, semuanya dari Allah. Selain itu, hajatkan yang baik untuk mak dan ayah. Saya sangat percaya, siapa saya pada hari ini adalah kerana doa mak dan ayah saya. Setiap apa yang saya usahakan, saya niatkan untuk buat mereka gembira dan bangga. Jangan sombong. Segala yang kita ada di atas muka bumi ini sifatnya sementara dan hanyalah pinjaman. Jadi apa perlunya kita sombong? Dan yang terakhir, jangan ada perasaan iri hati atau dengki dengan orang lain.

Cemburu itu satu perasaan yang ada pada semua orang. Tapi biarlah kita cemburu dengan kelebihan orang lain yang menjadi pembakar semangat untuk kita sama-sama berusaha kearah yang lebih baik daripada kita cemburu dengan rezeki orang lain dan kemudian bertindak untuk menutup periuk nasi orang tersebut. Rezeki kita masing-masing telah ditetapkan, hari ini hari dia, hari esok mungkin hari kita. Bersangka baik dengan Allah, Dia maha mengetahui.



Kampung Mogah: Sebahagian Daripada Sejarah Pengangkutan Negara



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Di bandar Tanjong Malim, daerah Muallim terletak sebuah kampung berhadapan dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang bernama “KAMPUNG MOGAH”. Keluasan Kampung Mogah adalah 2.4 ekar dan terdapat 15 buah rumah.

Artikel ini adalah berdasarkan pengkisahan daripada Haji Mohamed Shafieek bin Haji Sultan Mohamad (67 tahun) bersumberkan ayahnya, Haji Sultan Mohamad bin Abdul Aziz yang berhijrah di Malaysia ketika berusia 3 tahun.

Pada 1921, Tuan Jiwa Hazara, Abdul Aziz b. Nattu, Kareem Mohd, Ismail Mohd, Jahn Mohamad, Hussain Mohamad, dan beberapa saudara-mara yang lain tiba di Malaya. Mereka semua beragama Islam dan berbangsa Pakistan berasal dari Moga sebuah kampung di Punjab.

KAMPUNG MOGAH

Mereka berhijrah untuk mencari peluang pekerjaan dalam kepolisan British, sektor pembinaan jalan keretapi dan buruh am atas permintaan kerajaan British untuk membangunkan Malaya. Mereka menaiki kapal dan berlabuh di Kuala Besut, Kuala Terengganu. Mereka menetap di Kuala Besut, Terengganu selama beberapa tahun sebelum berhijrah ke Batu 8, Behrang Ulu dan di sekitar Tanjong Malim, Perak. Datuk kepada Haji Shafieek (Haji Abdul Aziz) sekeluarga

menetap di Tanjong Malim di Jalan Slim Lama bersebelahan dengan Sekolah Menengah Katholik dalam tahun 1940-an. Mereka kemudian membeli sebidang tanah berkeluasan 0.8 hektar di Behrang Ulu yang bernilai RM6,429. Tanah itu dibeli secara beramai-ramai tetapi di atas satu geran.

PENUBUHAN SYARIKAT BAS MOGAH

Dalam tahun 1940-an, En. Jiwa dan rakan-rakan memulakan perniagaan pengangkutan bas dengan membeli “Ambulan” dan “Land Rover” terpakai daripada Kerajaan British dan membaik pulih untuk mengangkut orang awam di laluan Jalan Slim lama dari Tanjong Malim ke Slim River. Apabila perniagaan pengangkutan ini semakin berkembang, mereka mula membeli van dan bas mini. Pada tahun 1943 mereka menubuhkan syarikat dinamakan sebagai Mogah Omnibus Co. Sdn Bhd. Perniagaan dijalankan dengan saudara-mara dan rakan-rakan bertindak sebagai pemegang saham Syarikat Bas Mogah. Seterusnya, syarikat memperoleh kelulusan

kerajaan untuk meluaskan laluan perjalanan dari Tanjong Malim – Slim River sehingga ke Sungkai, Perak.

Pada tahun 1944, Mogah Omnibus membeli tiga pintu kedai bertempat stesen bas lama di Jalan Douglas Street, Tanjong Malim. Pada tahun 1947, Pemegang saham Bas Mogah membeli sekeping tanah di Lot 154, Jalan Slim seluas 2.4 ekar berharga RM3,000 ringgit sahaja (kini dikenali sebagai Kampong Mogah). Tujuan pembelian untuk menempatkan bengkel bas, pam stesen minyak dan tempat meletak bas. Pemegang saham dan keluarga pemegang saham juga dapat membina rumah di tanah tersebut. Di samping itu, satu lot pecahan diwakafkan untuk tapak pembinaan surau Kampong Mogah. Pada tahun 1956, mereka membina sebuah surau hasil sumbangan penduduk Kampong Mogah. Kampung Mogah menggunakan satu talian telefon iaitu “232” yang ditempatkan di bawah surau untuk digunakan oleh semua penduduk kampung.

Pada tahun 1952 Haji Sultan Mohamad sebagai pengurus ‘Mogah Omnibus’ dan pemegang saham yang lain telah membina rumah di Kampong Mogah. Ketua stesen bas di Slim River pada masa itu adalah Haji Ramzan Mohamad bin Abdul Aziz. Beliau bertanggungjawab untuk

operasi bas laluan dari Slim River ke Felda Sungai Klah dan seterusnya ke Sungkai. Pegawai penyelia keseluruhan dari Stesen Bas Tanjong Malim, Slim River dan Ke Sungkai pada masa itu ialah Haji Jamaldin bin Abdul Aziz.

Menurut En. Shafiek Sultan, “Mogah Omnibus”diuruskan oleh pemegang saham dan kakitangan yang terdiri pelbagai bangsa. Satu ketika dulu, syarikat tersebut mempunyai 40 buah bas dan lebih dari 100 orang kakitangan. Pada tahun 1990, perniagaan bas tempatan mula diambil alih

oleh perniagaan bas ekspres dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan teksi mula beroperasi. Ini menyebabkan ‘Mogah Omnibus’ tidak dapat meneruskan perniagaan kerana kekurangan pendapatan dan membuat keputusan untuk menjual Syarikat Bas Mogah kepada syarikat lain. Generasi muda tidak berminat untuk mengambil alih syarikat bas tersebut dan mereka bekerja jawatan profesional (dokter dan jurutera), usahawan (perniagaan dan farmasi), bidang pemakanan (makanan segera dan katering) dan sektor kerajaan serta swasta.





MENGIMBAU KENANGAN MANTAN PEMANDU BAS MOGAH

Mengimbas kembali sejarah 'Mogah Omnibus', penulis menemuramah Tuan Haji Ishak b. Buyong, 84 tahun kini menetap di Batu 8, Behrang Ulu. Beliau mula berkhidmat di syarikat tersebut pada 1981- 2001 sebagai konduktor selama 5 tahun dan pemandu bas selama 15 tahun untuk laluan bas sekitaran dari Tanjong Malim- Slim River- Sungkai. Beliau juga pernah berkhidmat di bawah pengurusan Haji Sultan Mohamad, Haji Mohd Yusof bin Biru dan Haji Mohd Sidek bin Biru, Rutin pekerjaan mengikut "trip" masuk kerja pukul 6.30 pagi sehingga 4.00 petang. Sehari biasanya 4 "trip" berulang-alik dari Tanjong Malim ke Sungkai mengambil masa selama satu jam. Gaji permulaan pada RM3.90 sehari dan gaji semasa Haji Ishak berpencen sebanyak RM500. Menurut beliau, sepanjang berkhidmat dengan Syarikat Bas Mogah, kebajikannya terjaga dan ada caruman KWSP (EPF). Beliau dapat menunaikan ibadah haji hasil daripada pendapatannya pada tahun 1999.

PEMBANGUNAN KAMPONG MOGAH

Pada peringkat awal, kebanyakan rumah di Kampong Mogah diperbuat daripada papan. Rumah-rumah berkenaan dibina mengikut pecahan lot saham



beroperasi menggunakan tabung yang diuruskan oleh generasi ketiga, yang di pengerusikan oleh Haji Mohd Azlan Afzal manakala Haji Shafiek Sultan sebagai penaung surau dan Ketua Kampung. Surau tersebut aktif menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan semasa bulan Ramadhan dengan solat terawih, majlis buka puasa dan solat hari raya. Ia juga menjadi pusat kegiatan dakwah, dan sering diimarahkan oleh jemaah dakwah dan pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Terkini, Kampung Mogah telah diuruskan dengan baik oleh Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) dengan sistem perparitan, elektrik, bekalan air, jalan yang sentiasa dan ditambahbaik dari masa ke semasa. Papan tanda Kampung Mogah juga telah dinaik taraf oleh Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM).



di Kampung Mogah, Kg. Berop dan juga di Slim River. Kini, di Kampung Mogah hanya tinggal 5 buah rumah yang didiami oleh penduduk asal. Kampung Mogah menjadi sangat meriah apabila menjelang hari raya Aidilfitri, Aidiladha, majlis perkahwinan, majlis berbuka puasa, cuti sekolah dan hujung minggu. Pada tahun 2008, surau baharu telah dibina menggantikan surau lama hasil sumbangan anak-anak kampung dan penduduk Kampung Mogah. Surau ini

yang dibeli oleh setiap pemegang saham. Pada awal tahun 1960-an, Kampung Mogah tidak mempunyai sistem jalan yang sempurna, tiada bekalan air dan elektrik. Air telaga menjadi sumber air utama. Generasi kedua dapat menikmati kehidupan di perkampungan yang bahagia di Kampung Mogah. Semua penduduk Kampung Mogah mempunyai hubungan kekeluargaan, ikatan siraturahim dan kasih-mengasihani di antara mereka.

Pada masa tersebut, jumlah penduduk dianggarkan seramai 300 orang penduduk



Sejarah Masjid Jamek Tanjong Malim



Oleh:
YM Dr. Raja Ahmad Shalaby
bin Raja Hassan
shalaby@upsi.edu.my

PENGENALAN

Masjid ialah tempat ibadah bagi umat Islam. Perkataan “masjid” berasal dari bahasa Arab yang bermaksud tempat sujud. Masjid digunakan oleh umat Islam untuk melaksanakan solat, terutama solat berjemaah seperti solat lima waktu, solat Jumaat dan solat Hari Raya.

Sejarah pembinaan masjid bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan terus berkembang seiring dengan penyebaran Islam ke seluruh dunia. Masjid pertama dibina dalam Islam ialah Masjid Quba’ terletak di pinggir kota Madinah. Masjid ini dibina oleh Rasulullah SAW ketika baginda berhijrah dari kota Mekah ke Madinah. Rasulullah sendiri membantu dalam pembinaan masjid ini.

Masjid Jamek Tanjong Malim merupakan antara masjid tertua dan bersejarah di daerah Muallim, Perak. Terletak di bandar Tanjong

Malim, masjid ini bukan sahaja menjadi pusat ibadah bagi umat Islam, tetapi juga simbol warisan budaya dan sejarah yang kaya di daerah tersebut.

Asal-usul Tanjong Malim bermula pada tahun 1790 dengan nama Tanjong Jambu, yang diterokai oleh enam orang pahlawan Bugis. Kemudian kawasan ini dikenali sebagai Kampung Kubu pada tahun 1870, sebelum dinamakan Tanjong Malim pada tahun 1876. Perkembangan pesat kawasan ini turut menyaksikan pertambahan penduduk, termasuk komuniti Islam yang memerlukan tempat ibadah yang sesuai seperti masjid.

PENUBUHAN MASJID JAMEK TANJONG MALIM

Masjid Jamek Tanjong Malim mula dibina pada tahun 1926 menggantikan masjid lama di Kampung Kubu yang tidak lagi mampu menampung jumlah jemaah yang semakin meningkat terutamanya dengan kehadiran warga Sultan Idris Training College (SITC) yang ditubuhkan pada 1922. Pembinaan masjid ini dibiayai hasil sumbangan masyarakat setempat sebanyak RM18,000. Masjid ini dirasmikan oleh DYMM Paduka Sultan Iskandar Shah pada 15 Jun 1926.

Masjid ini kemudian diubah suai pada tahun 1932 demi memenuhi keperluan serta dibaik pulih infrastuktur yang semakin uzur. Ia sering dikunjungi oleh pelancong di

dalam dan luar negara yang hendak ke Utara atau Selatan Semenanjung. Keunikan struktur bangunan masjid ini merupakan salah satu daripada daya tarikan utama mengapa ia sering dikunjungi oleh para jemaah untuk menunaikan solat lima waktu.

Kemudahan pengangkutan awam seperti stesen bas dan stesen kereta api yang berdekatan juga menyebabkan masjid ini menjadi kawasan tumpuan kepada masyarakat setempat dan luar. Jemaah masjid ini sentiasa meningkat dan padat dengan adanya institusi pengajian iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris menjadikan masjid tempat berkumpulnya para pensyarah dan mahasiswa untuk melaksanakan aktiviti pendidikan, keagamaan dan kebajikan.

Masjid ini dari segi urus tadbirnya berada di bawah seliaan Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim yang terletak di Slim River. Antara program yang dianjurkan oleh pihak masjid ialah ceramah agama, mengaji al-Quran, kursus-kursus seperti sembelihan, perkahwinan dan ibadah haji. Selain itu, kelas-kelas agama dan tazkirah turut



diadakan terutamanya selepas solat Subuh dan Maghrib.

SENI BINA DAN CIRI-CIRI UNIK

Masjid Jamek Tanjong Malim menampilkan seni bina yang unik dengan pengaruh Indo-Saracenic Revival. Ciri-ciri utama pengaruh tersebut dapat dilihat melalui binaan seperti pada kubah, menara, mihrab dan mimbar.

Kubah utama masjid ini berbentuk 'kubah bawang' berwarna kuning keemasan dan terdapat beberapa kubah kecil di sekeliling bumbung yang menyerupai gaya masjid di India. Kubah ini adalah jenis kubah bertangkup kerana bergabung dengan bumbung di mana setiap penjuru bumbung diletakkan pembesar suara untuk laungan azan.

Menara masjid pula berbentuk segi empat dengan kubah kecil di atasnya. Menara ini berada pada kedudukan di kiri masjid. Kehadiran menara yang berdiri kukuh dan menjulang ke langit menunjukkan kemegahan serta keindahan sesebuah masjid. Menara masjid ini kelihatan rendah sahaja dan dibina bertujuan untuk menyampaikan laungan azan. Selalunya menara dibina pada aras tinggi agar laungan azan dapat didengar, tetapi menara masjid ini tidak berfungsi sebagai tempat laungan azan sebaliknya ia hanyalah sebagai hiasan sahaja. Hal ini kerana pembesar suara telah dipasang pada setiap penjuru

bumbung masjid jenis bertangkup.

Mihrab masjid ini kelihatan begitu kemas kerana penggunaan warna putih setelah ia dibaik pulih dan dicat baru pada tahun 2015. Mihrab masjid ini diperbuat daripada batu bata. Ia dihiasi dengan ukiran petak-petak pada dinding serta kelihatan menarik dan cantik kerana terdapat tiga tingkap pada belakang mimbar yang berperanan memberi ruang kepada cahaya matahari masuk ke dalam masjid.

Mimbar masjid ini pula dibina daripada kayu cengal dengan ukiran motif pucuk rebung, menunjukkan kehalusan seni pertukangan tempatan. Ia ditambah dengan ukiran flora yang kelihatan seperti motif masyarakat Melayu. Hasil yang terbaik dapat memberikan keselesaan kepada khatib yang berdiri di dalam mimbar dan dapat menyampaikan khutbah dengan lancar.

Dewan solat utama masjid ini agak luas dan boleh memuatkan hampir 200 orang jemaah yang datang untuk menunaikan solat. Kelas pengajian seperti mengaji al-Quran dan kuliah agama juga diadakan di dalam dewan solat utama yang dilengkapi dengan pendingin hawa dan terdapat naskhah al-Quran yang diletakkan pada tiang masjid. Dekorasi yang terdapat pada ruangan dewan solat utama tidaklah terlalu banyak setelah ia diubah suai serta diperbaharui dengan corak abstrak seperti petak-petak.

Dinding dan tiang juga tidak menampakkan ukiran corak yang berat.

Ruang solat untuk wanita pula lebih kecil dan mampu memuatkan kira-kira 100 orang sahaja. Hal ini kerana keutamaan golongan wanita untuk menunaikan solat di masjid adalah kurang berbanding lelaki. Dewan solat wanita juga disediakan dengan beberapa kemudahan seperti di dewan solat lelaki. Terdapat sebuah perpustakaan mini di sebelah dewan solat ini yang dibangunkan dengan kerjasama Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI. Perpustakaan Tuanku Bainun telah melaksanakan transformasi perpustakaan masjid dengan menambah koleksi buku dan memperbaiki ruang bacaan. Usaha ini bertujuan menjadikan masjid sebagai pusat pembudayaan ilmu, selaras dengan peranannya dalam masyarakat.

Lapangan terbuka merupakan struktur tambahan di luar dewan solat utama yang menjadi tempat istirehat kepada kanak-kanak sekolah agama yang baru habis belajar dan menunggu ibu bapa mereka. Selain itu, ia menjadi tempat istirehat kepada orang yang bermusafir. Di lapangan terbuka ini juga turut disediakan beberapa kemudahan seperti cermin, minyak wangi, bahan bacaan seperti al-Quran dan surah Yasin, air minuman dan tabung derma. Ia dijadikan tempat bersolat pada hari Jumaat kerana dewan solat

utama tidak mencukupi untuk menampung para jemaah.

Karpet masjid yang berkualiti menutupi lantai, sekali gus menyerlah keindahan tersendiri di ruangan solat. Bahan karpet yang lembut dapat menciptakan kedamaian di dalam masjid. Ia nampak lebih sesuai pada suasana masjid dan tidak berlaku kontra pada warna masjid. Karpet masjid yang lembut amat selesa pada kaki yang memijak dan dahi ketika sujud.

Bumbung masjid ini diperbuat daripada *metal deck* atau bumbung jenis logam. Bumbung ini mempunyai pelbagai kegunaannya seperti atap bumbung, pagar dan dinding. Ia telah direka penggunaannya sama ada di tempat yang rata mahu pun melengkung, dan boleh digunakan pada hampir semua jenis bangunan. Ia juga boleh digunakan secara menegak ataupun melintang. Kelihatan bumbung masjid ini masih dalam keadaan yang baik dan tidak berkarat atau berkulat. Hal ini kerana bumbung tersebut berfungsi sebagai penebat. Ini bermakna ia tidak menyebabkan pertumbuhan kulat dan tahan daripada serangan serangga mahupun burung.

Kaligrafi menjadi elemen yang dianggap oleh masyarakat sebagai satu hiasan yang harus ada di dalam sesebuah masjid. Kaligrafi adalah seni menulis huruf bahagian dari

seni, jadi terkait langsung dengan keindahan dan kesenangan. Kaligrafi yang terdapat di dalam masjid ini memang indah dan tulisan tersebut kebanyakannya menggunakan kaligrafi Khufi iaitu seni ukiran dari Uzbekistan.

Kaligrafi atau yang biasa disebut khat Khufi ini adalah kaligrafi Arab tertua dan merupakan sumber seluruh kaligrafi Arab. Selain itu kaligrafi Khufi pernah menjadi satu-satunya tulisan yang digunakan untuk menyalin al-Quran. Banyak ayat al-Quran yang menggunakan kaligrafi Khufi di dinding-dinding istana, masjid dan pada batu nisan. Kaligrafi yang ada pada papan tanda masjid dan papan jadual solat yang pernah digunakan ketika dahulu menunjukkan bahawa penggunaan kaligrafi Khufi berkembang pada ketika itu.

Tingkap masjid yang besar melengkung tiga perempat bulat dengan bahagian bawah empat persegi, membolehkan pencahayaan semula jadi yang baik.

Kolah yang dibina di masjid ini berada dekat dengan tandas lelaki dan di lapangan terbuka masjid. Kolah ini selalunya kerap digunakan pada hari Jumaat dan perayaan Aidil Fitri dan Aidil Adha, serta program yang melibatkan orang ramai untuk datang ke masjid. Kolah ini dibuat dengan saiz skala yang besar serta diperbuat daripada simen yang ditampal mozek.

Plak perasmian yang dilekatkan di atas pintu ke dewan solat utama tercatat maklumat berkenaan perasmian masjid Jamek ini pada tanggal 15 Jun 1932. Plak perasmian ini ditulis mengikut kaligrafi Parsi, iaitu kaligrafi yang sangat indah dan mempunyai nilai seni sangat tinggi.

Reka bentuk masjid ini bukan sahaja memenuhi keperluan fungsi tetapi juga mencerminkan estetika seni bina Islam yang indah.

UNSUR ESTETIKA

Seni dalam Islam lebih menonjolkan nilai suci (sakral) yang boleh dilihat nilai estetika. Nilai estetika Islam sendiri lebih menonjolkan satu kesatuan bentuk yang berulang-ulang sehingga tercipta sesuatu yang harmonis dan seimbang. Keteraturan itu menggambarkan seni sebagai penghubung jiwa manusia kepada tuhan, iaitu Allah. Dalam hadis Rasulullah SAW menyebutkan "Allah itu indah dan menyukai keindahan". Dari sini dapat disimpulkan bahawa estetika juga berpengaruh penting dalam peradaban Islam.

Nilai estetika yang terdapat pada Masjid Jamek Tanjong Malim boleh kelihatan pada kubahnya yang bergabung dengan bumbung bertangkup serta kubah-kubah kecil yang ada pada setiap penjuru kubah tersebut. Ia kelihatan agak unik dan cantik yang merupakan

tingkatan tertinggi dalam seni bina Islam.

Nilai estetika juga jelas kelihatan pada ukiran yang terdapat pada mimbar masjid. Ukiran yang digunakan sangat kemas dan teratur menyebabkan nilai estetik wujud dan memberikan satu pandangan yang menarik. Pemrosesan yang teliti dengan lenggokan unsur flora menghidupkan lagi corak yang dibuat. Jalinan sentuh jelas kelihatan dengan menggunakan teknik tebuk tembus atau *arch*. Ukiran yang dibuat pada mimbar ini lebih menjurus ke arah motif flora. Selain itu, pengukir juga selitkan unsur geometri dalam ukiran mimbar ini menonjolkan nilai estetika yang jelas dan tinggi.

Seterusnya, nilai estetik juga dapat dilihat dari dekorasi dan corak yang ada pada tingkap masjid yang diserasikan dengan corak petak-petak pada bahagian dinding. Ia kelihatan menarik lagi apabila tulisan kaligrafi Khufi yang ada pada atas tingkap menampakkan lagi keindahan pada masjid.

AKTIVITI MASJID

Aktiviti yang dijalankan di masjid Jamek Tanjong Malim ialah seperti pengajian hafazan, kursus haji, gotong-royong, kelas tajwid, ceramah perdana, kuliah maghrib dan subuh, dan pengajian kitab. Aktiviti kuliah sentiasa berjalan pada setiap minggu mengikut jadual tugas yang telah dibuat oleh imam masjid.

Setiap kuliah pula dibimbing oleh ustaz yang berbeza-beza mengikut tajuk kuliah yang disampaikan.

Antara imam yang bernah berkhidmat di Masjid Jamek Tanjong Malim sejak tahun 2013 ialah Imam Ustaz Yurnizan bin Md Yusof, Ustaz Abdul Manan bin Yeop Dahalan, Ustaz Mokhtar bin Bodo, Ustaz Sulaiman bin Abdul Majid dan Ustaz Mukhlas bin Kasimin

Aktiviti perniagaan juga turut dijalankan di masjid ini seperti perniagaan gunting rambut, kedai jahit, kedai elektrik dan kedai fotostat. Perkhidmatan yang disediakan ini merupakan hasil kerjasama dengan penduduk tempatan yang sudah lama bekerja di sana. Perkhidmatan tersebut juga menjadi salah satu tarikan kepada orang ramai untuk datang ke masjid bagi mendapatkan khidmat mereka.

Pada 2023, pihak berkuasa telah membina bangunan baharu dua tingkat bersebelahan dengan bangunan masjid dengan menggunakan wang infak daripada orang ramai. Bangunan ini dijadikan dewan serbaguna untuk pelbagai kegiatan seperti mesyuarat, kursus dan majlis keraian yang dilengkapi dengan tandas moden di bahagian bawah.

KESIMPULAN

Masjid Jamek Tanjong Malim bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga lambang warisan

sejarah dan budaya Islam di Perak. Seni bina yang unik dan peranan aktif dalam masyarakat, masjid ini terus menjadi mercu tanda penting yang menghubungkan generasi lama dan baharu dalam menghargai nilai-nilai keagamaan dan kebudayaan.

Masjid ini adalah khazanah dan peninggalan yang tertua berada di kawasan Muallim dan menjadi tempat persinggahan orang yang bermusafir serta pelawat. Seni bina yang ada pada masjid ini haruslah dikekalkan nilai estetikanya agar dapat menjadi warisan kepada generasi akan datang.





Profesor Dr. Ramlee Ismail: Kepimpinan yang ditagih



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Profesor Dr. Ramlee Ismail berasal daripada Pasir Puteh, Kelantan. Pendidikan sekolah menengah di Sekolah Menengah Kamil, Pasir Puteh dari Tingkatan 1 sehingga 6. Kemudian, melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi) di Universiti Malaya (UM) pada 1983-1987. Kemudian, beliau menyambung pengajian dalam Diploma Pendidikan (Ekonomi) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1989-1990. Pada 1990-1997, beliau ditugaskan untuk mengajar di Sekolah Menengah La Salle, Kota Kinabalu. Selepas itu, beliau berpindah ke Sekolah Menengah Pandan Indah, Kuala Lumpur kerana isterinya mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM). Selanjutnya pada 1999, Prof. memperolehi Sarjana Ekonomi dari UKM. Tanggal 1 Julai 2001, mula berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pada 2008, beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Ekonomi Pendidikan) dari University of Stirling, Scotland. Beliau berkahwin

dengan Dr. Marinah Awang pada 1991 dan memperoleh dua orang cahaya mata.

PENGALAMAN DI SEKOLAH

Semasa di Sek. Men. La Salle, Kota Kinabalu, Prof. pernah bertugas sebagai Ketua Panitia bidang Kemahiran Hidup. Selanjutnya, sebagai Ketua Bidang bagi Bahagian Teknikal dan Vokasional. Beliau juga dilantik sebagai Kakitangan Sumber bagi negeri Sabah khususnya untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup, Bahagian Perdagangan dan Keusahawanan. Pengalaman berada di Sabah khususnya dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup memberikan peluang untuk beliau lebih mahir dalam mata pelajaran tersebut. Walaupun Prof. asalnya dalam bidang ekonomi tetapi beliau banyak menghabiskan masa untuk mengajar Kemahiran Hidup. Beliau mengajar di Sek. Men. Pandan Indah awal 1998-2001. Beliau masih mengajar subjek Kemahiran Hidup dan Pendidikan Jasmani.

PENGALAMAN DI UPSI

Prof. Ramlee mempunyai niat asal ingin kembali mengajar di Kota Kinabalu tetapi pada masa yang sama ada keperluan di universiti yang memerlukan tenaga pengajar dalam bidang ekonomi seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pada tahun 2001, beliau mendapat tawaran sebagai pensyarah daripada UUM dan UPSI.

Pada mulanya, beliau hendak memilih UUM sebab di sana ada subjek Ekonomi Tulen tetapi setelah berbincang dengan pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pihak KPM, berpandangan ada keperluan pensyarah yang ada pengalaman sebagai pendidik di sekolah untuk bertugas sebagai pensyarah di UPSI. Di UPSI, Prof. menyertai Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM). Pada masa tersebut belum ada fakulti khusus untuk bidang ekonomi, cuma ada program pengurusan perniagaan dan belum lagi sebagai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP).

Bermula daripada program pengurusan perniagaan, dibangunkan pula program pendidikan ekonomi, pendidikan pengurusan perniagaan dan pendidikan perakaunan. Tugas pendokumentasian program pada masa tersebut tidaklah sesukar sekarang tetapi kemudahan pada masa tersebut sangat terhad. Maka, wujud Fakulti Perniagaan dan Ekonomi (FPE) pada 2003. Ia dibangunkan seiring dengan Fakulti Sains Sukan. Antara pensyarah awal di FPE ialah Allahyarham PM Hariri bin Kamis, Kol. Ali Roshidi bin Ahmad, dan Dr. Norlia binti Mat Norwani. Tutor pula seperti, Dr. Mad Ithnin bin. Salleh dan Dr. Khalizul bin Khalid. Pada masa tersebut, FPE di tingkat 1 dan 2, Bangunan KDP (kini dikenali sebagai Bangunan IPSI). Dekan pertama FPE ialah Allahyarham PM Dr. Hariri bin Kamis. Pada masa tersebut, tumpuan FPE

ialah menyediakan tapak bagi sesuatu program. Beliau juga terlibat membantu Dr. Mohamad Isa dalam merangka program pendidikan teknikal dan vokasional disebabkan ketiadaan kepakaran.

Dari segi pentadbiran, Prof. Ramlee pernah terlibat di pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ). Beliau pernah menjadi Timbalan Pengarah Bahagian Korporat, Bahagian Komersial, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Timbalan Dekan dan Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS). Di fakulti, pernah menjadi penyelar program, Ketua Jabatan Ekonomi dan Timbalan Dekan.

PENGURUS BESAR DI UPSI HOLDINGS SDN. BHD. (UHSB)

Prof. terlibat dengan UPSI Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) sejak dari awal penubuhan iaitu pada 2003. Pada mula penubuhannya sebagai syarikat biasa. UHSB bermula dengan modal berbayar sebanyak RM2.00 sahaja. Pada masa tersebut, UHSB beroperasi sebagai perniagaan tunggal. Selanjutnya, UHSB menghadapi cabaran terbesar untuk memahami orang pendidikan dan pejawat awam tentang perniagaan. Proses ini banyak dibantu oleh Datuk Mohd. Noor (LPU). Tujuan penubuhan UHSB ialah menjalankan perniagaan untuk UPSI. UHSB diberikan perniagaan program pesisir pengurusan pendidikan mulai awal 2007. UHSB berperanan untuk menguruskan tadbir urus seperti pembayaran kepada pensyarah dan promosi program pesisir berkenaan. Aspek pengajaran dan pembelajaran diuruskan oleh

fakulti masing-masing. Prof. mengimbuai kembali era UHSB di bawah Tuan Haji Nazri sebagai CEO UHSB. Pada masa tersebut berlaku perkembangan yang positif. Selepas itu, UHSB diuruskan oleh orang-orang korporat dan mula berlaku jurang dengan UPSI. Senergi kepakaran UPSI kena seiring dalam UHSB. Pada awal tahun 2021 diwujudkan satu jawatan kuasa pemantauan UHSB yang diketuai oleh Dekan FPE. Tujuannya ialah untuk menjalankan penambahbaikan terhadap UHSB. Pada 1 Jun 2021, selepas menjalani temuduga, Prof. dilantik Pengurus Besar UHSB. Dalam masa tiga bulan, beliau perlu meneliti proses pembelian yang telah diuruskan oleh UHSB. Semasa berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), UHSB giat menjalankan usul-usul jawatankuasa dan langkah-langkah drastik mengurangkan kerugian. Semasa pengambilalihan, UHSB berada dalam dua keadaan iaitu sama ada ditutup atau dijual. Sebagai pengurus besar UHSB, duit hanya ada RM250,000 dan boleh bertahan selama 3 bulan sahaja. Langkah drastik yang diambil oleh beliau ialah menawarkan kepada staf separuh gaji dengan kerja selama 15 hari sahaja kerana pada masa itu masih dalam tempoh PKP. Antara langkah-langkah pemulihan yang diambil ialah mendapatkan bantuan daripada PERKESO sebanyak RM600 bagi setiap staf, membuka semula kafe Scholar Suite untuk pesanan khidmat Grab dan mengkaji dokumen dan hutang piutang. Ditambah dengan berkat solat dhuha dan doa pohon bantuan untuk keluarga dan UHSB. Selepas itu, beliau dihubungi oleh Perbadanan

Stadium Merdeka yang masih berhutang dengan UHSB sebanyak RM250,000 berkenaan pembelian sistem MyFIS. Kemudian, perkhidmatan sistem MyFIS dengan Lembaga Air Selangor (LUAS) yang masih tidak selesai dan akhirnya pihak LUAS setuju untuk memuktamadkan pembelian MyFIS beserta "source code" berharga RM450,000. Bermodal RM650,000 tersebut, UHSB boleh beroperasi kembali dan berupaya membayar gaji semua kakitangan UHSB. Langkah seterusnya, Prof. menjual semula cenderahati UPSI seperti baju UPSI.

Perniagaan seterusnya dijalankan ialah penjualan plat kereta UG yang mendatangkan keuntungan RM3 juta. Projek plat kereta ialah projek yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk dana penyelidikan universiti. Hasilnya, daripada kerugian RM159,000 pada 2021, UHSB berjaya membuat keuntungan pada 2022 sebanyak RM3.1 juta dan 2023 sebanyak RM2.5 juta.

SUMBANGAN KEPADA PENDIDIKAN NEGARA

Profesor Ramlee berkongsi 3 sumbangan beliau kepada pendidikan negara. Pertamanya, pada tahun 2011-2012, beliau bersama Raja Kumari dari Universiti Malaya (UM) dan Raja Suzana dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) membangunkan satu kerangka kerja untuk kerajaan Malaysia bagi perjanjian persefahaman dengan kerajaan China. Geran bernilai RM50,000 dengan tempoh kajian selama 6 bulan. Kajian berkaitan untuk mendapatkan pengiktirafan pendidikan Malaysia dan China.

Deraf perjanjian dihantar kepada Peguam Negara untuk disemak dan diperhalusi dan seterusnya ditandatangani oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada masa tersebut. Kajian melibatkan pelajar-pelajar dari empat wilayah negara China iaitu Chongzuo, Kunming, Shanghai dan Beijing. Hasil termeterai perjanjian tersebut, 100,000 pelajar China berjaya melanjutkan pelajaran di Malaysia dan diiktiraf oleh kerajaan China. Sebelum ini, kelulusan daripada universiti di Malaysia tidak diiktiraf oleh kerajaan China. Sumbangan kedua Prof. Ramlee ialah pada tahun 2012- 2013, beliau sebagai “team leader” di bawah pengawasan Allahyarham Prof. Dato’ Dr. Zakaria bin Kasa, Naib Canselor UPSI pada masa itu telah menjalankan kajian bertajuk penilaian semula sumber manusia dalam sistem pendidikan Malaysia. Hasil kajian tersebut telah dimasukkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Ketiganya, ialah kajian pada 2019- 2021, mengenai inisiatif mengurangkan beban tugas guru. Geran di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang melibatkan responden seramai 62,000 orang guru dan 1,200 buah sekolah seluruh negara. Cabaran terbesar semasa kajian ini ialah ia dijalankan semasa pandemik COVID-19 sedang melanda. Sebanyak tujuh inisiatif dicadangkan dalam kajian ini telah dilaksanakan oleh KPM. Sebagai contohnya, pertamanya ialah merekod kehadiran murid pada pukul 10.00 pagi pada setiap hari, para guru memohon untuk hantar pada 2.00

petang tetapi yang diluluskan ialah pada 12.00 tengah hari. Keduanya, para guru tidak lagi dibebankan sebagai pengawas peperiksaan. Kini, jawatan pengawas peperiksaan tersebut ditawarkan kepada orang awam.

NASIHAT KEPADA KAKITANGAN AKADEMIK

Menurut Profesor Ramlee, di dalam kerjaya, semua staf akademik perlu berusaha untuk meningkatkan diri sendiri dan sumbangan kepada universiti. Keduanya perlu diseimbangkan. Sebagai contoh, setiap staf akademik perlu usaha untuk meningkatkan diri sendiri seperti kemajuan kerjaya dan kenaikan pangkat. Pensyarah perlu banyak menjalankan kajian dan penulisan artikel.

Manakala, untuk sumbangan kepada universiti melibatkan pembangunan polisi dan penyediaan kemudahan universiti. Prof. percaya kini pihak pengurusan melihat kepada kedua-dua aspek tersebut. Pensyarah baharu di UPSI tidak perlu bimbang kerana sistem pengajaran, polisi dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran sudah tersedia.

Seterusnya, Prof. juga menasihati semua staf UPSI menitik berat aspek komunikasi. Sifat saling hormat-menghormati perlu ada pada setiap staf agar wujud keharmonian dalam pentadbiran dan kehidupan kita. Ia akan mewujudkan suasana kerja dan kehidupan yang bahagia dan gembira.





Bergelar pemain profesional dalam masa yang sama menyambung pengajian – Muhammad Aliff Najmi tetap kejar cita-cita jadi guru



Oleh
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

PENGENALAN

Muhammad Aliff Najmi Shaaini, anak jati Kelantan berusia 25 tahun, kini menetap di Setapak, Kuala Lumpur. Beliau telah berkahwin selama setahun dengan isterinya yang bekerja sebagai jururawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Perkenalan mereka bermula pada tahun 2018 apabila ayah kepada isterinya, yang ketika itu merupakan jurulatih belia Kelantan telah mempertemukan mereka.

Walaupun berasal dari Kelantan, Aliff Najmi Shaaini membesar di negeri Terengganu selama 15 tahun kerana mengikuti penempatan kerja kedua-

dua ibu bapanya yang bertugas sebagai guru. Pengalaman hidup di dua negeri Pantai Timur ini telah membentuk peribadinya menjadi seorang yang matang serta mudah menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran.

Pada masa ini, beliau menetap di ibu kota bersama isterinya sambil meniti kehidupan berumahtangga. Aliff merupakan anak kepada pasangan pendidik, Mazura Mustaffa dan suami, yang kini berkecimpung dalam bidang perniagaan selepas bersara daripada dunia pendidikan. Anak kedua daripada empat beradik, beliau mempunyai seorang kakak serta dua orang adik. Salah seorang adiknya sedang menuntut di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) manakala seorang lagi masih di Tingkatan Enam. Dalam kalangan adik-beradik, Aliff satu-satunya yang aktif dalam bidang sukan, khususnya bola sepak yang telah menjadi minat dan kebanggaannya sejak kecil..

PENGLIBATAN AWAL DALAM SUKAN BOLA SEPAK

Minat Muhammad Aliff Najmi Shaaini terhadap bola sepak mula berputik seawal

usia empat tahun apabila sering menemani ayahnya ke padang latihan. Ketika itu, ayahnya merupakan jurulatih bola sepak sekolah dan sering membawa Aliff ke sesi latihan, sekali gus membuka ruang untuk Aliff mengenali dan mencintai sukan tersebut sejak kecil. Dorongan daripada ayah yang aktif dalam dunia sukan menjadi pendorong utama kepada pembentukan bakat Aliff. Pada usia tujuh tahun, Aliff sudah mampu bermain bola dengan baik dan hanya dua tahun kemudian, beliau diangkat sebagai kapten pasukan dalam kejohanan bawah 12 tahun serta berjaya mewakili daerah di Terengganu.

Aliff memulakan kerjaya bola sepaknya sebagai penjaga gol, namun seiring peningkatan usia dan pengalaman, beliau mencuba beberapa posisi lain seperti *back-up striker* dan pemain tengah. Akhirnya, pada usia 17 tahun, beliau menemui keserasian di posisi bek tengah yang kekal sehingga ke hari ini. Peralihan posisi ini berlaku secara semula jadi hasil daripada pemahaman taktikal serta kecenderungan Aliff untuk bermain secara lebih bertahan dan strategik. Gaya permainannya



mula menyerlah ketika bersekolah di Sekolah Sukan Terengganu, sebuah institusi yang banyak membantu mencungkil potensi sebenar beliau dalam bidang sukan.

Ketika berada di tingkatan empat, Aliff berpindah ke Kelantan dan meneruskan minatnya dalam bola sepak meskipun pada awalnya tidak begitu berminat. Namun, atas ajakan rakan-rakan, beliau terus aktif bermain dan mula menyertai Liga Bola Rakyat pada usia 17 tahun. Usaha dan kesungguhannya membuah hasil apabila beliau terpilih mewakili pasukan belia Kelantan pada usia 19 tahun di bawah bimbingan jurulatih Zainuddin, seorang bekas pemain Perlis yang berpengalaman luas dalam bidang kejurulatihan. Sepanjang zaman persekolahannya, Aliff turut bergiat aktif dalam pelbagai sukan lain seperti bola baling, bola tampar dan sepak takraw, namun bola sepak kekal sebagai keutamaan beliau.

Setelah melanjutkan pelajaran ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Aliff tidak melepaskan peluang untuk terus bergiat aktif dalam bola sepak. Beliau sempat mewakili universiti dalam beberapa perlawanan sebelum menerima jemputan untuk menyertai pasukan Asean University Football

Federation sebagai pemain bek tengah. Penyertaan ini bukan sahaja mencerminkan kematangan dan pengalaman luasnya dalam sukan bola sepak, malah menjadi bukti komitmen dan kesungguhannya untuk terus berkembang dalam bidang yang diminatinya sejak kecil.

DETIK PENGLIBATAN SECARA PROFESIONAL

Selepas menamatkan pengajian diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2019, Mohd Aliff Najmi Shaaini memulakan kerjaya bola sepak profesionalnya secara sepenuh masa. Pada tahun 2020, beliau menyertai pasukan Perak dalam saingan Liga Perdana dan seterusnya, pada tahun 2021, Aliff diberi peluang bermain di pentas tertinggi bola sepak negara apabila menyertai UiTM FC dalam Liga Super Malaysia. Kemahiran dan prestasinya yang konsisten terus menarik perhatian pasukan-pasukan besar dan pada tahun 2022, beliau menyarung jersi Kelantan United sebelum berpindah ke PDRM FC pada tahun 2023 dan kekal bersama pasukan itu hingga musim 2024 dalam Liga Super.

Sebagai pemain profesional, Aliff menjalani sesi latihan yang ketat dan konsisten, melibatkan dua sesi latihan setiap hari, dua jam pada waktu pagi dan dua jam

lagi pada waktu petang. Walaupun komitmennya terhadap bola sepak begitu tinggi, Aliff tidak pernah mengetepikan kepentingan pendidikan. Beliau tetap meneruskan pengajian dalam bidang yang diminatinya, dengan mengambil kelas pada waktu pagi dan cuba sedaya upaya untuk mengelakkan jadual kelas pada sebelah petang bagi menyesuaikan dengan rutin latihan. Keupayaannya mengatur masa dengan baik membolehkan beliau mengimbangi kedua-dua komitmen sebagai pelajar dan juga atlet profesional.

Kerjasama dan budaya toleransi antara Aliff dan para pensyarah turut menjadi faktor kejayaannya dalam mengekalkan prestasi akademik meskipun sibuk dengan jadual latihan dan perlawanan. Pensyarah-pensyarah memahami keperluan dan cabaran yang dihadapinya sebagai atlet, lantas memberi ruang dan bimbingan agar Aliff dapat terus cemerlang dalam kedua-dua bidang. Semangat juang dan disiplin tinggi yang ditanam sejak kecil menjadikan Aliff sebagai contoh kepada golongan muda bahawa kejayaan dalam sukan tidak bermakna perlu mengabaikan pendidikan. Sebaliknya, kedua-duanya boleh berjalan seiring dengan perancangan dan sokongan yang betul.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Dalam dunia bola sepak profesional di Malaysia, kesedaran tentang pentingnya menyambung pelajaran dalam kalangan pemain semakin meningkat. Walaupun ramai yang terjun ke dalam kerjaya sukan sepenuh masa, terdapat juga segelintir pemain yang mengambil langkah bijak untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat universiti. Sebagai contoh, terdapat antara lima hingga enam orang pemain dari pasukan Selangor yang sedang menuntut di UiTM, manakala dua hingga tiga orang pemain dari pasukan Kuala Lumpur turut meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi lain. Ini membuktikan bahawa budaya menyambung pelajaran dalam kalangan pemain bola sepak profesional semakin diterima dan dianggap sebagai satu keperluan.

Realitinya, industri bola sepak di Malaysia masih belum mencapai tahap di mana seseorang pemain boleh bergantung sepenuhnya kepada sukan ini sebagai satu-satunya sumber pendapatan jangka panjang. Usia karier seorang pemain bola sepak juga sangat singkat, dengan banyak pemain mula bersara seawal usia 30-an akibat kecederaan atau prestasi menurun. Oleh itu, mempunyai kelulusan

akademik atau kemahiran lain menjadi amat penting sebagai satu bentuk jaminan masa depan. Pemain perlu merancang kehidupan selepas bola sepak, dan menyambung pelajaran adalah antara jalan terbaik untuk membuka lebih banyak peluang dalam bidang lain.

Bagi para belia dan remaja yang kini aktif bermain bola sepak, adalah amat disarankan agar tidak meletakkan harapan hanya pada sukan semata-mata. Mereka perlu diajar dan didorong untuk menyambung pelajaran seiring dengan minat terhadap bola sepak. Pendidikan tidak akan menghalang kemajuan dalam sukan, malah ia boleh menjadi pelengkap kepada pembangunan diri yang lebih holistik. Belajar di peringkat universiti juga membina disiplin, kemahiran komunikasi, serta pemikiran kritikal yang sangat berguna bukan sahaja di atas padang, tetapi juga dalam kehidupan seharian.

Bagi Muhammad Aliff Najmi Shaaini sendiri, walaupun beliau merupakan pemain profesional sepenuh masa, beliau tetap menitikberatkan pelajaran sebagai aset penting. Beliau tidak bercadang untuk menjadi jurulatih profesional selepas bersara daripada bola sepak, namun terbuka untuk menjadi jurulatih di

peringkat sekolah sebagai satu cara menyumbang kembali kepada komuniti dan mendidik bakat muda. Aliff percaya bahawa walaupun minat terhadap sukan itu besar, pelajaran tetap perlu diutamakan demi masa depan yang lebih stabil dan berdaya saing.

HARAPAN

Pembangunan sukan bola sepak di Malaysia ketika ini dilihat agak tidak seimbang, terutamanya dengan kemunculan pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) yang begitu dominan dalam saingan liga. Kehebatan JDT dari segi taktikal, kualiti pemain serta struktur pengurusan yang tersusun menjadikan mereka jauh meninggalkan pasukan lain, hingga menyebabkan kebanyakan pasukan hanya bersaing untuk kedudukan kedua. Dominasi ini secara tidak langsung mencetuskan jurang yang besar dalam persaingan liga tempatan, namun dalam masa yang sama membuka peluang kepada pasukan lain untuk belajar dan mencontohi kejayaan mereka.

Kemunculan JDT sebagai kuasa besar bola sepak negara turut membawa sisi positif kepada pembangunan sukan ini. Cara latihan yang moden, kemudahan canggih seperti stadium bertaraf antarabangsa, dan pengurusan profesional yang diamalkan oleh JDT menjadi

contoh terbaik kepada pasukan-pasukan lain. Kehadiran mereka memberi impak besar kepada tahap profesionalisme bola sepak tempatan dan meletakkan satu penanda aras baharu dalam aspek pembangunan infrastruktur dan pengurusan kelab. Ini secara tidak langsung meningkatkan standard liga dan memberi motivasi kepada pemain serta pasukan lain untuk berusaha menjadi lebih kompetitif.

Bagi Muhammad Aliff Najmi Shaaini, meskipun bola sepak merupakan kerjaya utamanya, beliau tetap menekankan kepentingan pendidikan dalam kalangan pemain. Menurutnya, kerjaya sebagai pemain bola sepak tidak menjamin pendapatan jangka panjang kerana ia bergantung kepada faktor seperti kecergasan dan usia. Justeru, beliau menyarankan agar pemain muda mengambil inisiatif menyambung pelajaran sebagai persediaan masa depan. Pendidikan berfungsi sebagai pelan sokongan sekiranya mereka tidak dapat meneruskan kerjaya dalam bidang sukan, sekali gus memberi jaminan keselamatan hidup selepas bersara dari arena bola sepak.



PENCAPAIAN MUHAMMAD ALIFF NAJMI SHAAINI BOLASEPAK

BIL	PASUKAN	PENCAPAIAN
1	Pemain PDRM FC sejak 2023 hingga April 2025	Liga Super Malaysia
2	Asean University Football Federation, Malaysia	Tempat ke-6
3	Asean University Football Federation, Malaysia	Tempat ke-5 dan MVP
4	Challenge Cup 2023	Juara
5	Pemain Kelantan United FC - 2022	Liga Super Malaysia
6	Asean University Football Federation, Thailand	Tempat ke-2
7	Pemain UITM FC - 2021	Liga Super Malaysia
8	Pemain Perak FC - 2020	Liga Perdana Malaysia
9	Asean University Football Federation, Taiwan	Tempat ke-5
10	Malaysia U23	Panggilan Fasa 1



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيزيسيتي قنديديتقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ■ KELUARAN 4/2025 BIL. 23 ■

Inspirasi